

# **Pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus Berasaskan Sekolah Bagi Matapelajaran Kemahiran Hidup Di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Johor Bahru, Kawasan Skudai**

Norani Mohd Noor & Saifulazri Sahip  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak :** Kajian diskriptif yang dijalankan adalah bertujuan mengenalpasti persediaan guru, pengurusan masa guru, pengurusan alatan dan bahan-bahan serta beberapa masalah lain yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan pentaksiran kerja kursus berasaskan sekolah bagi matapelajaran Kemahiran Hidup. Responden kajian adalah seramai 36 orang guru Kemahiran Hidup di Sekolah Menengah Kebangsaan daerah Johor Bahru, kawasan Skudai. Soal selidik dijadikan sebagai alat kajian dan ianya dibina berdasarkan dokumen Manual Pemantauan Pentaksiran Berasaskan Sekolah daripada Lembaga Peperiksaan Malaysia. Hasil analisis daripada kajian rintis menunjukkan nilai kebolehpercayaan soal selidik adalah sederhana (Alpha cronbach 0.605). Segala data yang diperolehi dianalisa bagi mendapatkan frekuensi serta peratusan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa peratusan guru-guru yang bersetuju dengan persediaan mereka dalam melaksanakan PBS ini amat tinggi. Pengurusan masa juga amat penting bagi guru-guru Kemahiran Hidup ini dengan jumlah peratusan yang bersetuju amat tinggi. Bagi urusan kelengkapan peralatan serta bahan-bahan, guru-guru serta pihak pengurusan mengambil berat mengenainya. Hanya jadual waktu guru-guru Kemahiran Hidup yang agak padat menyukarkan mereka melaksanakan PBS. Secara keseluruhannya, guru-guru Kemahiran Hidup ini dapat memahami dan melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus Berasaskan Sekolah bagi matapelajaran Kemahiran Hidup ini dengan baik. Akhir sekali beberapa cadangan telah dikemukakan antaranya guru-guru perlu mempersiapkan diri dengan menghadiri kursus-kursus yang dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri bagi mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus Berasaskan Sekolah. Pemantauan dari pihak sekolah juga perlu untuk memastikan pelaksanaan kerja kursus Kemahiran Hidup sentiasa dijalankan berterusan. Bagi pihak Jabatan Pelajaran Negeri pula, mereka perlu menjalankan kursus-kursus pentaksiran secara berterusan supaya guru-guru memperolehi pengetahuan serta kemahiran yang mencukupi.

Katakunci : pentaksiran kerja kursus, kemahiran hidup

## **Pengenalan**

Matapelajaran Kemahiran Hidup ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian Teras dan bahagian pilihan. Dalam bahagian teras, tiga komponen utama yang dipelajari oleh semua pelajar ialah Kemahiran Manipulatif, Perdagangan dan Keusahawanan serta Kekeluargaan. Kerja-kerja amali teras Kemahiran Hidup meliputi kerja kayu dan logam, kerja paip asas, kerja elektrik dan elektronik, kerja enjin, masakan dan jahitan serta perkebunan. Semasa mengikuti mapelajaran Kemahiran Hidup, setiap pelajar akan didedahkan dengan kemahiran-kemahiran asas amali sebelum menjalankan sesuatu projek. Menurut Asmuni bin Abullah (2000), kerja amali ini begitu penting kerana pada peringkat peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR), pelajar dikehendaki membuat satu projek untuk menilai kebolehan dalam menguasai kemahiran-kemahiran dalam matapelajaran Kemahiran Hidup. Penilaiannya

pula dilakukan oleh guru matapelajaran sendiri dengan penyeliaan oleh jawatankuasa yang dilantik oleh Jabatan Pendidikan Negeri.

Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) merupakan salah satu komponen pentaksiran yang dikendalikan oleh pihak sekolah dan pentaksirannya dilaksanakan oleh guru-guru matapelajaran secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. PBS dirancang, diskor dan dilaporkan secara terancang mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM).

Demi menjamin kualiti pelaksanaan PBS, mekanisme penyelarasan dan pemantauan perlu dilaksanakan untuk meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahan skor pentaksiran yang dilaksanakan di sekolah. PBS di peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR) terdiri daripada bentuk format pentaksiran iaitu Projek, Kerja Kursus, Ujian Lisan Berasaskan Sekolah, Pentaksiran Lisan Berasaskan Sekolah serta Modul. (Modul PBS PMR 2007)

Cadangan bagi melaksanakan PBS ini dibuat dengan mengurangkan matapelajaran dalam peperiksaan awam seperti Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), sebaliknya matapelajaran tertentu akan diuji di peringkat sekolah. Sistem pentaksiran itu tidak sama sekali bermaksud memansuhkan peperiksaan tetapi merupakan usaha membangunkan sistem yang menggalakkan pelajar mencintai ilmu disamping dapat membangunkan budaya persekitaran kurikulum yang mantap tanpa perlu diberi keutamaan terhadap peperiksaan.

Untuk mendapatkan maklumat tentang pembelajaran murid, guru boleh menggunakan proses pengukuran, penilaian atau pentaksiran. Pengukuran ialah proses mendapatkan maklumat dengan cara mengukur menggunakan instrumen sebelum ukuran itu dapat dinilai atau diinterpretasikan. Proses pengukuran berakhir dengan maklumat berbentuk kuantitatif seperti markah mentah, peratus markah mentah, persentil (peratusan kedudukan seseorang berbanding kedudukan orang lain), agregat dan pangkat atau band.

### **Penyataan Masalah**

Di dalam kajian ini, penyelidik berhasrat untuk menjalankan kajian terhadap pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus Berasaskan Sekolah bagi matapelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah Menengah. Empat perkara yang akan dikaji adalah melibatkan persediaan guru semasa menjalankan pentaksiran ini, mengenalpasti pengurusan masa guru-guru sewaktu pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus Berasaskan Sekolah, mengenalpasti kelengkapan peralatan serta bahan-bahan yang digunakan oleh guru sewaktu menjalankan Penilaian Kerja Kursus Berasaskan Sekolah serta mengenalpasti beberapa masalah lain yang dihadapi oleh guru Kemahiran Hidup sewaktu pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus Berasaskan Sekolah bagi matapelajaran Kemahiran Hidup ini.

### **Objektif Kajian**

Kajian yang akan dijalankan ini adalah untuk menjawab persoalan mengenai beberapa aspek yang telah dikenalpasti oleh pengkaji terhadap pelaksanaan Penilaian Kerja Kursus Berasaskan Sekolah bagi matapelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah Menengah dan kajian ini mempunyai beberapa objektif iaitu untuk:

- a) Menenalpasti persediaan guru semasa menjalankan Pentaksiran Kerja Kursus Berasaskan Sekolah bagi matapelajaran Kemahiran Hidup.
- b) Menenalpasti pengurusan masa guru-guru sewaktu pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus Berasaskan Sekolah bagi matapelajaran Kemahiran Hidup.

- c) Mengenalpasti kelengkapan peralatan serta bahan-bahan yang disediakan di dalam bengkel kemahiran hidup sewaktu pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus Berasaskan Sekolah bagi matapelajaran Kemahiran Hidup.
- d) Mengenalpasti masalah-masalah lain yang dihadapi oleh guru kemahiran hidup sewaktu pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus Berasaskan Sekolah bagi matapelajaran Kemahiran Hidup.

### **Kepentingan Kajian**

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada guru-guru yang menjalankan Pentaksiran Kerja Kursus Berasaskan Sekolah bagi matapelajaran Kemahiran Hidup. Dengan itu mereka akan lebih faham mengenai tanggungjawab yang mereka pikul dan ini akan memantapkan lagi bidang keguruan.

### **Rekabentuk Kajian**

Kajian yang dijalankan ini menggunakan kaedah penyelidikan deskriptif. Kajian yang dipilih ini bertujuan untuk mengkaji pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus Berasaskan Sekolah bagi matapelajaran Kemahiran Hidup di sekolah menengah kebangsaan daerah Johor Bahru kawasan Skudai. Dapatan daripada kajian ini diharap dapat memberi maklumat yang jelas tentang apa yang berlaku dalam populasi tersebut.

### **Populasi dan Sampel Kajian**

Sampel kajian yang dipilih ini adalah terdiri daripada 36 orang guru-guru matapelajaran Kemahiran Hidup di 12 buah sekolah menengah kebangsaan di dalam daerah Johor Bahru kawasan Skudai. Kaedah yang digunakan untuk mendapatkan sampel adalah secara rawak berkelompok kerana sampel telah dipilih daripada 3 orang guru Kemahiran Hidup bagi setiap sekolah.

### **Instrumen Kajian**

Instrumen yang digunakan oleh penyelidik bagi mengumpul data adalah merupakan kaedah soal selidik. Penyelidik merasakan kaedah ini adalah merupakan kaedah yang paling sesuai untuk mendapatkan maklumat serta data-data daripada guru-guru kerana respondennya mudah memberikan tindak balas terhadap aspek yang dikaji berbanding kaedah temubual. Melalui kaedah ini juga, responden tidak banyak membuang masa. Soal selidik tersebut mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B.

#### **Bahagian A:**

Pada bahagian ini, maklumat yang diperlukan oleh pengkaji adalah berkaitan dengan biodata responden seperti pengalaman mengajar, umur, jantina, pengkhususan dan kehadiran kursus atau seminar bagi responden tersebut. Bahagian ini bertujuan untuk mengetahui latar belakang diri responden.

#### **Bahagian B**

Bahagian ini pula mengandungi 28 item yang dibahagi-bahagikan kepada 4 bahagian mengikut persoalan-persoalan kajian iaitu penglibatan guru-guru Kemahiran Hidup dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus Berasaskan Sekolah bagi matapelajaran Kemahiran Hidup, aspek pengurusan masa, aspek kelengkapan peralatan dan bahan-bahan di dalam bengkel serta masalah-masalah lain yang timbul dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus Berasaskan Sekolah bagi matapelajaran Kemahiran Hidup ini.

## Kajian Rintis

Sebelum kajian ini dapat dijalankan di sekolah yang sepatutnya, terdapat satu kajian rintis yang perlu dilakukan bagi memastikan ketepatan soal selidik dari sudut kefahaman guru serta kejelasan soalan kajian tersebut. Selain itu juga, ia bertujuan bagi menganggarkan jumlah masa yang sepatutnya diperuntukan kepada responden untuk menjawab item soalan kajian. Oleh sebab itu, penyelidik telah menetapkan satu kajian rintis akan dijalankan sebelum kajian sebenar. Kajian rintis ini akan dijalankan di sekolah menengah kebangsaan di daerah johor bahru kawasan Tampoi. Ini melibatkan 6 buah Sekolah Menengah Kebangsaan yang terdapat di kawasan tersebut. Antara sekolah yang terlibat untuk kajian rintis ini adalah:

- 1) SMK Sri Rahmat
- 2) SMK Bandar Baru Uda
- 3) SMK Seri Perling
- 4) SMK Kempas
- 5) SMK Usman Awang
- 6) SMK Dato Abd. Rahman Yassin

Item bagi soal selidik untuk menjalankan kajian rintis ini telah di sahkan oleh pensyarah di Jabatan Pendidikan Teknik dan Kejuruteraan, Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.

## Analisis Data

**Jadual 1 : Taburan kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Faktor Persediaan Guru-Guru Kemahiran Hidup Semasa Melaksanakan PBS**

Bil	Item Soalan	STS		TS		TP		S		SS	
		f	%	f	%	f	%	f	%	f	%
1	Saya menghadiri kursus berkaitan PBS yang dianjurkan oleh pihak JPN	2	5.6	5	13.9	0	0	13	36.1	16	44.4
2	Saya menghadiri taklimat berkaitan PBS yang diadakan di sekolah	0	0	0	0	4	11.1	20	55.6	12	33.3
3	Saya sentiasa menghadirkan diri dalam segala mesyuarat yang berkaitan PBS bagi mata pelajaran Kemahiran Hidup yang dianjurkan oleh JPN	3	8.3	3	8.3	1	2.8	16	44.4	13	36.1
4	Saya sentiasa melibatkan diri dalam segala taklimat yang berkaitan PBS bagi mata pelajaran Kemahiran Hidup yang dianjurkan oleh JPN	3	8.3	3	8.3	1	2.8	17	47.2	12	33.3
5	Saya menyediakan fail individu murid sebelum menjalankan PBS Kemahiran Hidup di sekolah	0	0	0	0	1	2.8	18	50.0	17	47.2
6	Saya menyediakan borang skor individu sebelum menjalankan PBS Kemahiran Hidup di sekolah	0	0	0	0	4	11.1	14	38.9	18	50.0

Bil	Item Soalan	STS		TS		TP		S		SS	
		f	%	f	%	f	%	f	%	f	%
7	Saya sentiasa berbincang dengan guru-guru Kemahiran Hidup yang lain mengenai pelaksanaan PBS	0	0	0	0	1	2.8	17	47.2	18	50.0
8	Saya sentiasa mengikut perancangan serta waktu yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dalam menjalankan PBS di sekolah	0	0	0	0	0	0	20	55.6	16	44.4
Jumlah Peratus Kekerapan		8	2.78	11	3.81	12	4.18	135	46.88	122	42.35
Peratus Skala Tiga Mata		6.59				4.18		89.23			

Bagi jadual 1, ia merujuk kepada lapan (8) item soalan yang telah dibentuk dan dikumpulkan untuk mengetahui persediaan guru-guru Kemahiran Hidup dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus Berasaskan Sekolah bagi matapelajaran Kemahiran Hidup.

Untuk item 1, kekerapan bagi pernyataan kehadiran guru ke kursus berkaitan PBS yang dianjurkan oleh pihak Jabatan Pelajaran Negeri, sebanyak 2 orang (5.6%) dan 5 orang (13.9%) menyatakan sangat tidak setuju dan tidak setuju. Tiada yang tidak pasti serta sebanyak 13 orang (36.1%) menyatakan setuju dan 16 orang (44.4%) menyatakan sangat setuju.

Bagi item 2, menunjukkan bahawa kehadiran guru ke taklimat berkaitan PBS yang diadakan di sekolah. Sebanyak 4 orang menyatakan tidak pasti, 20 orang (55.6%) yang setuju dan sebanyak 12 orang (33.3%) yang sangat setuju dengan item tersebut.

Item 3 pula menyatakan guru yang sentiasa menghadirkan diri dalam segala mesyuarat yang berkaitan PBS bagi matapelajaran Kemahiran Hidup yang dianjurkan oleh Jabatan Pelajaran Negeri. Sebanyak 3 orang (8.3%) yang sangat tidak setuju, 3 orang (8.3%) yang tidak setuju, 1 orang (2.8%) yang tidak pasti, 16 orang (44.4%) yang menyatakan setuju dan sebanyak 13 orang (36.1%) yang sangat setuju.

Item 4 menunjukkan bahawa untuk pernyataan guru yang sentiasa melibatkan diri dalam segala taklimat yang berkaitan PBS bagi matapelajaran Kemahiran Hidup yang dianjurkan oleh Jabatan Pelajaran Negeri, responden yang sangat tidak setuju adalah sebanyak 3 orang (8.3%), 3 orang (8.3%) yang tidak setuju, 1 orang (2.8%) yang tidak pasti, 17 orang (47.2%) yang setuju dan 12 orang (33.3%) yang sangat setuju.

Item 5 bagi pernyataan penyediaan fail individu murid sebelum menjalankan PBS Kemahiran Hidup di sekolah, seramai 1 orang (2.8%) yang tidak pasti, 18 orang (50.0%) yang setuju dan sebanyak 17 orang (47.2%) yang menyatakan sangat setuju.

Bagi item 6 untuk pernyataan penyediaan borang skor individu sebelum menjalankan PBS Kemahiran Hidup di sekolah, sebanyak 4 orang (11.1%) yang menyatakan tidak pasti, 14 orang (38.9%) yang setuju dan responden yang sangat setuju adalah seramai 18 orang (50.0%).

Item 7 yang menyatakan guru PBS sentiasa berbincang dengan guru-guru Kemahiran Hidup yang lain mengenai pelaksanaan PBS menunjukkan bahawa seramai 1 orang (2.8%) yang tidak pasti, 17 orang (47.2%) yang setuju dan seramai 18 orang (50.0%) yang sangat setuju.

Analisis bagi item 8 menunjukkan bahawa untuk pernyataan guru PBS sentiasa mengikut perancangan serta waktu yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dalam menjalankan PBS di sekolah, seramai 20 orang (55.6%) menyatakan setuju dan 16 orang (44.4%) menyatakan sangat setuju.

Secara keseluruhannya, majoriti responden yang ditemui menyatakan mereka setuju dengan persediaan guru-guru Kemahiran Hidup dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus Berasaskan Sekolah bagi matapelajaran Kemahiran Hidup (89.23%). Sebanyak 4.18% menyatakan tidak pasti dan sebanyak 6.59% yang tidak setuju.

### **Perbincangan**

Faktor guru adalah antara yang paling penting dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus Berasaskan Sekolah. Tanpa mereka mungkin PBS ini tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna walaupun ianya dirancang dengan baik. Ini dibuktikan dengan hasil dapatan kajian yang menunjukkan sebanyak 89.23 peratus yang bersetuju bahawa guru-guru Kemahiran Hidup perlu mempersiapkan diri dengan pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus Berasaskan Sekolah bagi matapelajaran Kemahiran Hidup ini. Walaupun ada segelintir guru-guru yang tidak bersedia dengan pelaksanaan Pentaksiran Kerja kursus Berasaskan Sekolah bagi matapelajaran Kemahiran Hidup ini, namun jumlahnya amat sedikit iaitu sebanyak 6.59 peratus. Ini disebabkan oleh ada diantara guru-guru yang tidak menghadiri kursus, seminar atau mesyuarat berkaitan dengan PBS yang dianjurkan oleh pihak JPN. Menurut Prof Madya Mohamad Ali Hassan (2007), kajian yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran pada 2007 antaranya bertujuan untuk memastikan guru yang akan dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan penilaian, melaksanakannya dengan adil. Dalam pada itu juga guru-guru yang melaksanakan PBS ini juga dilatih untuk menjalankan tugas secara profesional, telus, adil dan tidak memihak kepada mana-mana golongan atau individu.

Menteri Pelajaran Datuk Seri Hishammuddin Hussein (2004) menyatakan bahawa guru terlatih diperlukan dalam usaha untuk mengurangkan bilangan mata pelajaran dalam peperiksaan awam atau melaksanakan pentaksiran berasaskan sekolah. Dengan adanya guru-guru yang terlatih pentaksiran berasaskan sekolah, semua bentuk pentaksiran yang lebih bersifat alternatif dan tulen seperti pentaksiran kerja kursus, projek, persembahan, kegiatan jasmani, ko-kurikulum, sahsiah, budi pekerti dan pembinaan jati diri murid boleh dilaksanakan.

Selain daripada menyiapkan diri untuk pelaksanaan PBS ini guru-guru juga dapat menimba ilmu sebelum melaksanakan PBS di sekolah mereka nanti. Imam Shafie menegaskan bahawa: "Sesiapa yang berkehendakkan kepada keduniaan, maka hendaklah dia mencari ilmu dan sesiapa yang berkehendakkan kepada akhirat juga hendaklah dia mencari ilmu." Hakikatnya, perjalanan sejarah hidup manusia telah mencatatkan secara tepat bahawa ilmu adalah suatu pengaruh malahan suatu kuasa. Menurut Menteri Pelajaran Malaysia Datuk Seri Hishammuddin Hussein (2008), Guru-guru yang telah diberi latihan dan ilmu untuk melaksanakan PBS ini akan bertindak sebagai pemudah cara yang berkesan, mengurangkan peperiksaan berpusat dan sekaligus mengurangkan tekanan peperiksaan yang dihadapi oleh pelajar.

### **Rujukan**

- Asmuni bin Abdullah. (2000). *"Persepsi Pelajar-Pelajar tingkatan 2 Terhadap Kerja Amali Dalam Matapelajaran Kemahiran Hidup Teras Di Sekolah Menengah Zon Bandar Pontian"*. UTM : Tesis Sarjana Muda
- Atan bin Long (1993). *Refleksi Peranan, Tugas & Sikap Guru Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Che Wa Saad (1998). *"Satu Tinjauan Tentang Beban Tugas Guru-Guru Kemahiran Hidup Sekolah Rendah Di Daerah Pekan, Pahang"*. UTM : Tesis Sarjana Muda
- David A Payne (2003). *Applied Educational Assessment*. Belmont, CA: Wadsworth.

- Dr Azizi Hj Yahya (1998). *“Penggunaan Model KIPP Dalam Penilaian Matapelajaran Kemahiran Hidup Di Sekolah-Sekolah Menengah Di Malaysia”*. Seminar Kebangsaan Pendidikan. Tidak Diterbitkan.
- Ee, Ah Meng (1992). *Psikologi Perkembangan : Aplikasi Dalam Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Francis Casey (1985). *How To Study: A Practical Guide*. London: Macmillan
- Kandar bin Selamat, Mohd Rashid bin Rajuddin dan Yahya bin Buntat (2003) *“Mata Pelajaran Vokasional (MPV) Di Sekolah Menengah Harian: Penyediaan Guru MPV, Isu Dan Cabaran”*. Seminar Kebangsaan Memperkasakan Sistem Pendidikan. Tidak Diterbitkan.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia (2006). *Manual Pemantauan Pentaksiran Berasaskan Sekolah 1.0 Dasap PBS*. Diambil pada September 2, 2008 daripada <http://www.moe.gov.my/lpm/files/ManualPemantauan.pdf>
- Pusat Perkembangan Kurikulum (1999). *“Penerapan Kemahiran Berfikir dan Strategi Berfikir Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Sains”*. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Ridi Anak Juri (2008). *“ Tahap Harga Diri Dengan Pencapaian Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Di Daerah Serian”*.UTM : Tesis Sarjana Muda
- Rosli bin Ilyas (2008) *”Pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus Kemahiran Hidup Bersepadu Di Sekolah Menengah Daerah Pasir Mas, Kelantan”*. UTM : Tesis Sarjana Muda.